

VELOXIN TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Meclozine Hydrochloride, Pyridoxine Hydrochloride (25mg, 50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Veloxin
2. Bagaimana Veloxin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Veloxin
4. Cara menggunakan Veloxin
5. Semasa menggunakan Veloxin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Veloxin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Veloxin

Veloxin digunakan untuk mencegah dan merawat loya, muntah atau pening (vertigo) yang dikaitkan dengan mabuk perjalanan dan gangguan sistem keseimbangan badan lain (vestibular) di bahagian dalam telinga.

Bagaimana Veloxin berfungsi

Meclozine mengurangkan tindakan sel-sel saraf dalam pusat gerakan dan keseimbangan otak. Ia mencegah muntah dan mabuk perjalanan dengan menghalang reseptor otak dan memperlambatkan aktiviti otak.

Sebelum menggunakan Veloxin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini tanpa nasihat daripada Doktor atau Ahli Farmasi.

Jangan mengambil ubat ini jika anda alah kepada Meclozine, Pyridoxine, atau kandungan lain yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil Veloxin jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan menimbangkan risiko berbanding manfaat yang mereka jangkakan jika anda mengambil Veloxin.

Meclozine boleh dijumpai dalam susu ibu dan mungkin menghentikan pengeluaran susu ibu. Oleh itu, ia adalah tidak digalakkan semasa penyusuan.

Sebelum menggunakan Veloxin

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Veloxin.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat apabila diambil dengan Veloxin boleh mengganggu satu sama lain. Sila beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat-ubatan seperti:

- Atropine (digunakan untuk merawat keracunan agen saraf dan racun perosak, degupan jantung perlahan, dan untuk mengurangkan pengeluaran air liur semasa pembedahan)
- Ubat anti-kemurungan
- Antihistamin
- Sedatif (digunakan untuk merawat kesukaran tidur)
- Ubat tahan sakit
- Ubat keresahan
- Ubat pengendur otot
- Levodopa (digunakan untuk merawat gangguan progresif sistem saraf yang mempengaruhi pergerakan)
- Altretamine (digunakan untuk merawat kanser ovari)
- Phenobarbital (digunakan untuk merawat kesukaran tidur, keresahan dan sawan)
- Phenytoin (digunakan untuk mencegah dan merawat sawan)
- Hydralazine (untuk mengurangkan tekanan darah)
- Isoniazid (digunakan untuk merawat penyakit bakteria berjangkit yang selalunya mempengaruhi paru-paru)

- Penicillamine (digunakan untuk merawat gangguan metabolisme kuprum, kepekatan asid amino *cystine*, sejenis unit pembinaan protein yang tinggi dalam air kencing, radang dalam sendi)
- Pil pencegah kehamilan

Cara menggunakan Veloxin

- Berapa banyak harus digunakan

- Gunakan mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi.
- Bagi Mabuk Perjalanan, ambil 1 hingga 2 tablet sekali sehari untuk orang dewasa. Bagi kanak-kanak 6 hingga 12 tahun, ambil ½ ke 1 tablet sekali sehari.
- Untuk Vertigo dan Gangguan Vestibular, ambil 1-4 tablet setiap hari dalam dos berasingan.
- Ubat ini hendaklah diambil secara oral dengan segelas air yang penuh.
- Bagi mabuk perjalanan, ambil ubat 1 jam sebelum perjalanan atau pendedahan kepada pergerakan.
- Jangan melebihi dos yang disyorkan melainkan ditetapkan oleh doktor.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Veloxin untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Amil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir

<p>masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.</p>	<p>Jangan memberi Veloxin kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.</p> <p>- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u></p>	<p>rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.</p>
<p>- <u>Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)</u></p>	<p>Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jika berlaku, jangan memandu atau mengendalikan jentera. Elakkan minuman beralkohol.</p>	<p>Maklumat lanjut</p> <p>- <u>Rupa dan warna produk</u> Veloxin tablet adalah tablet bulat berwarna putih dengan permukaan rata di kedua-dua belah dan skor di satu belah.</p>
<p>Dalam mana-mana kes terlebih dos, sila hubungi doktor anda atau dapatkan rawatan kecemasan dengan segera jika berlaku simptom-simptom di bawah.</p>	<p>Beritahu doktor anda jika anda mempunyai asma, tekanan mata tinggi atau pembesaran prostat.</p>	<p>- <u>Bahan-bahan kandungan</u></p> <p>- Bahan aktif: Meclozine Hydrochloride, Pyridoxine Hydrochloride</p>
<p><u>Simptom:</u></p>	<p>Meclozine boleh menjejaskan keupayaan anda untuk melakukan aktiviti berbahaya yang memerlukan kewaspadaan mental atau koordinasi fizikal.</p>	<p>- Bahan tidak aktif: Lactose Monohydrate, Colloidal Silicon Dioxide (Aerosil 200), Corn Starch, Microcrystalline cellulose (Avicel PH 101), Magnesium Stearat, Copovidone</p>
<ul style="list-style-type: none">• Rasa mengantuk, koma dan sawan.• Tekanan darah rendah (terutamanya orang tua)• Pengalaman di mana anda melihat, mendengar, merasa, atau menghidu sesuatu yang tidak wujud, sawan, masalah tidur (kanak-kanak)• Koordinasi yang lemah• Pergerakan tidak stabil• Kebas• Kekurangan sensasi terhadap sentuhan, suhu dan gegaran	<p>Kesan-kesan sampingan</p> <p>Penggunaan jangka panjang dan dos tinggi Pyridoxine dikaitkan dengan kerosakan teruk pada saraf yang membawa mesej ke dan dari otak dan saraf tunjang.</p>	<p>- <u>Nombor MAL</u> MAL 08010771ACZ</p>
<p>Semasa menggunakan Veloxin</p>	<p>Rasa mengantuk, mulut kering, sakit kepala dan gangguan gastrousus telah dilaporkan berkaitan dengan Veloxin dan jarang menyebabkan penglihatan kabur.</p>	<p>Pengilang Winwa Medical Sdn Bhd 1952, Taman I.K.S. Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Penang, Malaysia.</p>
<p>- <u>Perkara yang perlu dilakukan</u></p> <p>Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.</p>	<p>Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).</p>	<p>Pemegang Pendaftaran Produk Pharm-D Sdn Bhd 8B, Jalan 1/137C, Bedford Business Park, Off Jalan Kelang Lama, 58000 Kuala Lumpur, Malaysia.</p>
<p>Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Veloxin.</p>	<p>Cara penyimpanan dan pelupusan Veloxin</p>	<p>Tarikh kemaskini RiMUP 27/02/2017</p>
<p>Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.</p>	<p>- <u>Penyimpanan</u></p>	<p>Nombor siri BPFK(R4/1)270217/00005</p>
<p>- <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u></p> <p>Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.</p>	<p>Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya matahari, haba dan kelembapan. Sentiasa simpan dalam bungkusan asal yang disediakan.</p>	
<p>Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.</p>	<p>Jauhi daripada Kanak-Kanak.</p> <p>- <u>Pelupusan</u></p> <p>Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi</p>	